

Latihan 2 : pemahaman

Baca teks di bawah tentang haiwan dan jawab soalan- soalan

Read the text about hobby and answer the questions

Petikan 1

Haiwan ini ialah seekor kuda. Kuda ialah haiwan yang mempunyai bulu dan ekor yang cantik. Kuda ada banyak kegunaan contohnya untuk bersukan, bersiar- siar dan membuat kerja. Kuda ada banyak warna seperti coklat, putih, hitam dan kelabu. Semua orang suka kuda kerana haiwan itu senang dipelihara.



1. Apakah haiwan di dalam petikan?
2. Apakah kegunaan kuda?
3. Kenapakah semua orang suka kuda?

Petikan 2

Ini ialah seekor beruang. Beruang ialah haiwan yang besar dan ganas. Haiwan tinggal di dalam hutan. Beruang suka makan daging kerana beruang ialah karnivor. Beruang adalah haiwan yang terancam dan hampir pupus. Kita kena jaga habitat beruang kerana beruang boleh pupus jika tiada tempat tinggal.



1. Apakah haiwan di dalam petikan?
2. Dimanakah haiwan hidup?
3. Kenapakah kita kena menjaga habitat beruang?
